

**HUBUNGAN PENGETAHUAN DAN PERSEPSI GURU  
TERHADAP *AUTISM SPECTRUM DISORDER* (ASD)  
DALAM KALANGAN KANAK-KANAK :  
SIKAP SEBAGAI MEDIATOR**



**MARIANI BINTI MAJIN**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**HUBUNGAN PENGETAHUAN DAN PERSEPSI GURU  
TERHADAP *AUTISM SPECTRUM DISORDER* (ASD)  
DALAM KALANGAN KANAK-KANAK :  
SIKAP SEBAGAI MEDIATOR**

**MARIANI BINTI MAJIN**



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH  
SARJANA PSIKOLOGI**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2020**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **HUBUNGAN PENGETAHUAN DAN PERSEPSI GURU TERHADAP  
AUTISM SPECTRUM DISORDER (ASD) DALAM KALANGAN KANAK-  
KANAK : SIKAP SEBAGAI MEDIATOR**

IJAZAH : **SARJANA PSIKOLOGI**

BIDANG : **PSIKOLOGI**

Saya **MARIANI BINTI MAJIN**, Sesi **2015-2020**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

---

**MARIANI BINTI MAJIN**  
**MP1511520T**

---

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 16 November 2020

---

(Cik Agnis Sombuling)  
Penyelia

## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pada setiap pendapat dan laporan yang telah saya jelaskan sumbernya.

20 Oktober 2020

---

Mariani Binti Majin  
MP1511520T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **MARIANI BINTI MAJIN**  
NO. MATRIK : **MP1511520T**  
TAJUK : **HUBUNGAN PENGETAHUAN DAN PERSEPSI  
GURU TERHADAP *AUTISM SPECTRUM  
DISORDER (ASD)* DALAM KALANGAN KANAK-  
KANAK : SIKAP SEBAGAI MEDIATOR**  
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PSIKOLOGI**  
TARIKH VIVA : **10 OGOS 2020**

## DISAHKAN OLEH

**PENYELIA**  
Cik Agnis Sombuling



**UMS** Tandatangani  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, syukur kepada Tuhan atas berkat dan pertolonganNya memberikan saya kekuatan untuk menyiapkan tesis sarjana saya yang bertajuk "Hubungan Pengetahuan dan Persepsi Guru terhadap *Autism Spectrum Disorder* (ASD) dalam kalangan Kanak-Kanak : Sikap sebagai Mediator".

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada kedua-dua penyelia saya, iaitu Dr. Shazia Iqbal Hashmi dan Cik Agnis Sombuling di atas tunjuk ajar, bimbingan, nasihat dan sokongan yang tidak terhingga sepanjang proses menghasilkan tesis ini. Tidak dilupakan juga ucapan jutaan terima kasih saya, khusus kepada pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penghasilan tesis ini, terutamanya pada pihak sekolah yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kutipan data, guru-guru yang telah memberi kerjasama dan atas kesudian melibatkan diri dalam kajian ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya iaitu Abdul Adib Asnawi, Syed Ahmad Muhajir Syed Esa, Melissa Edora Sanu dan sahabat baik saya, Boniface Mail dan Nurul Nadia Wanbida yang tidak pernah jemu membantu dan sentiasa memberi sokongan, idea dan komen kepada saya dalam usaha menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS) yang memberi sokongan serta kebenaran untuk kajian ini dijalankan dalam kalangan guru-guru di sekolah rendah Kota Kinabalu, Sabah.

Akhir sekali, ucapan terima kasih yang teristimewa khas buat kedua ibu bapa tercinta, iaitu Majin Bin Satoh dan Jem Gintulu @ Gintulo serta seluruh ahli keluarga saya atas doa dan galakkan yang diberikan sehingga ke tahap ini. Semoga Tuhan merahmati dan membalas jasa kalian semua.

Sekian.

Mariani Binti Majin

20 Oktober 2020

## ABSTRAK

Kajian yang dijalankan adalah untuk memahami kefahaman ASD dalam kalangan guru pada kanak-kanak yang mengalami masalah ASD. Tujuan kajian ini adalah untuk (1) mengkaji pengetahuan ASD guru; (2) mengkaji pengaruh sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah pada kanak-kanak ASD dan (3) mengkaji persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD. Kajian ini adalah kajian tinjauan, berbentuk kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik dalam mengumpulkan data. Seramai 300 orang responden guru sekolah rendah yang bersetuju untuk mengisi borang soal selidik yang telah diagihkan di beberapa buah sekolah rendah yang berada di zon Pantai Barat (Selatan) Kota Kinabalu, Sabah. Data yang dikumpul kemudian dianalisis dengan menggunakan perisian IBM *Statistical package for the Social Sciences* (SPSS) versi 23.0 dengan menggunakan ujian-t bebas, regresi mudah dan analisis mediator yang dibina oleh Andrew F. Hayes (2019), untuk mengkaji hipotesis yang telah dibina. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai pada sumbangan peratus varians adalah kecil, namun masih terdapat kesan yang signifikan dan positif. Keadaan ini dapat dijelaskan di mana ternyata masih kurang pengetahuan serta kesedaran berkenaan dengan ASD dan keadaan ini secara tidak langsung mempengaruhi pada sikap ketidakpercayaan dalam mengendalikan kanak-kanak ASD dalam kalangan guru di Kota Kinabalu, Sabah. Walau bagaimanapun, responden masih menunjukkan persepsi yang positif dan minat yang tinggi dalam melibatkan diri untuk memahami ASD dengan lebih lanjut. Implikasinya, kajian ini dapat membantu kanak-kanak ASD serta ibu bapa, memberikan sokongan serta sumbangan untuk mengalakkan kemudahan akses pada sumber-sumber maklumat berkenaan dengan ASD, dan dapat dijadikan sebagai bahan rujukan untuk kajian di masa akan datang

**Kata kunci :** gangguan autisme spektrum, ASD, pengetahuan, sikap, persepsi, guru sekolah rendah

## **ABSTRACT**

### ***THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHERS' KNOWLEDGE AND THEIR PERCEPTION TOWARD CHILDREN WITH AUTISM SPECTRUM DISORDER (ASD) : TEACHERS' ATTITUDE AS MEDIATOR***

*This study aims to examine the importance role of teachers' knowledge in understanding the Autism Spectrum Disorder (ASD). The purpose of this study is to investigate (1) teachers' knowledge of Autism Spectrum Disorder (ASD); (2) the affect of teachers' attitudes towards the care and education of, and advocacy for, children with ASD; (3) the teachers' perception of interest and perceived efficacy in working with ASD children. This is a quantitative study based on a survey method by using a questionnaire to collect the data. A total of 300 teacher from the selected primary schools located in the zone of west coast (south) Kota Kinabalu, Sabah have agreed to fill the questionnaire. The data collected were then analyzed by using IBM Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 23.0, using the t-test, simple regression and mediator analysis developed by Andrew F. Hayes (2019), which is used to study the hypotheses. The results showed a small percent or value of contribution but it still have a significantly and positively affects towards the variables. This can be explained that although the teachers' were still lack of knowledge and awareness regarding of ASD in Kota Kinabalu, Sabah, they still showed a high interest in engaging more about ASD. Results highlighted that the findings of this study is useful to help the children with ASD and their parents, resources that related to ASD can be enhanced, able to contribute more and become a references for the future studies.*

**Keywords :** *autism spectrum disorder, ASD, knowledge, attitudes, perception, primary school teacher*



## SENARAI KANDUNGAN


	<b>Halaman</b>
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	Xiii
<b>SENARAI GRAF</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN / SIMBOL</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
<b>BAB 1 : PENGENALAN KAJIAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Penyataan Masalah	5
1.3.1 Isu kekurangan pengetahuan, sikap dan persepsi guru	5
1.3.2 Isu peningkatan jumlah prevalen kanak-kanak ASD	6
1.3.3 Isu bagaimana kewujudan ASD	6
1.3.4 Isu tafsiran tidak benar	7
1.3.5 Isu kekurangan kajian tempatan	8
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Tujuan Kajian	9
1.5.1 Tujuan umum	9
1.5.2 Tujuan khusus	10
1.6 Kesignifikanan Kajian	10
1.6.1 Dapat meningkatkan pengetahuan, sikap dan persepsi guru	10
1.6.2 Dapat memahami maksud sebenar ASD	11
1.6.3 Dapat menjalankan pemeriksaan ASD dengan segera	11
1.6.4 Dapat meningkatkan kerjasama	12
1.6.5 Dapat memberikan sumbangan maklumat terkini	12
1.7 Rumusan	13
<b>BAB 2 : SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Pendekatan Model Berkaitan	14
2.2.1 Model <i>Knowledge-Attitude-Practice</i> (KAP)	15
2.3 Sorotan Kajian Lepas	19
2.3.1 Kajian pengetahuan ASD guru	19
2.3.2 Kajian sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD	21
2.3.3 Kajian persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD	22
2.4 Kerangka Konsep Kajian	24

2.5	Definisi Konsep dan Operasi	25
2.5.1	Pengetahuan	26
2.5.2	Sikap	26
2.5.3	Persepsi	27
2.6	Hipotesis Kajian	28
2.6.1	Pengetahuan ASD	28
2.6.2	Pengetahuan ASD dan sikap guru	28
2.6.3	Sikap guru dan persepsi guru	28
2.6.4	Sikap sebagai mediator dalam hubungan pengetahuan ASD dan persepsi guru	29
2.7	Rumusan	29
 <b>BAB 3 : METODOLOGI</b>		
3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Lokasi Kajian	32
3.4	Sampel Kajian	32
3.5	Instrumen Kajian	33
3.5.1	Bahagian A : Maklumat demografi responden	34
3.5.2	Bahagian B : Pengetahuan ASD guru	34
3.5.3	Bahagian C : Sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD	34
3.5.4	Bahagian D : Persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan mendapatkan latihan khas	35
3.6	Prosedur Kajian	35
3.7	Ciri Psikometrik Instrumen Kajian	36
3.7.1	Kebolehpercayaan	36
3.7.2	Kesahan	39
3.8	Penganalisan Data Statistik	42
3.9	Rumusan	44
 <b>BAB 4 : KEPUTUSAN KAJIAN</b>		
4.1	Pengenalan	46
4.2	Keputusan Analisis Deskriptif	46
4.2.1	Taburan kekerapan dan peratusan responden	47
4.3	Pengujian Syarat bagi Analisis Regresi	48
4.3.1	Nilai ekstrem (outliers)	48
4.3.2	Normaliti data	49
4.3.3	Kolineariti	52
4.4	Keputusan Analisis Inferensi	54
4.4.1	Pengetahuan ASD guru	54
4.4.2	Perbezaan pengetahuan ASD guru berdasarkan pengalaman	56
4.4.3	Pengaruh pengetahuan ASD guru kepada sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD	57

4.4.4 Pengaruh sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah pada kanak-kanak ASD kepada persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan mendapatkan latihan khas	59
4.4.5 Peranan sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD sebagai mediator dalam hubungan di antara pengetahuan ASD guru dan persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD	60
4.5 Rumusan	64
<b>BAB 5 : PERBINCANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	67
5.2 Pengetahuan ASD Guru	68
5.3 Perbezaan pengetahuan ASD guru berdasarkan pengalaman	69
5.4 Pengaruh pengetahuan ASD guru kepada sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD	71
5.5 Pengaruh sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah pada kanak=kanak ASD kepada persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD	73
5.6 Peranan sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah pada kanak-kanak ASD sebagai mediator dalam hubungan di antara pengetahuan ASD dan persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD	75
5.7 Rumusan	78
<b>BAB 6 : KESIMPULAN</b>	
6.1 Pengenalan	80
6.2 Ringkasan Keputusan dan Rumusan Kajian	80
6.2.1 Pengetahuan ASD guru dan berdasarkan pengalaman	81
6.2.2 Pengaruh pengetahuan ASD guru kepada sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD	81
6.2.3 Pengaruh sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah pada kanak-kanak ASD kepada persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD	81
6.2.4 Peranan sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah pada kanak-kanak ASD sebagai mediator dalam hubungan di antara pengetahuan ASD dan persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD	82
6.3 Implikasi Kajian	83
6.3.1 Implikasi model	83
6.3.2 Implikasi praktikal	84

6.3.3 Implikasi metodologi	85
6.4 Sumbangan Kajian	86
6.5 Limitasi dan Cadangan Kajian	87
6.5.1 Limitasi kajian	88
6.5.2 Cadangan kajian	88
6.6 Rumusan	89
6.7 Penutup	89

**RUJUKAN  
LAMPIRAN**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.0	Jumlah prevalen <i>Autism Spectrum Disorder</i> (ASD) 2
Jadual 2.0	Hasil penilaian kebolehpercayaan instrumen kajian 39
Jadual 3.0	Ujian kesahan kolerasi <i>pearson</i> setiap item bagi soal selidik pengetahuan ASD guru 40
Jadual 4.0	Ujian kesahan kolerasi <i>pearson</i> setiap item bagi soal selidik sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD 41
Jadual 5.0	Ujian kesahan kolerasi <i>pearson</i> setiap item bagi soal selidik persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan mendapatkan latihan khas 42
Jadual 6.0	Pemilihan ujian statistik 43
Jadual 7.0	Data demografi responden 47
Jadual 8.0	Analisis nilai ekstrem bagi pembolehubah kajian 49
Jadual 9.0	Nilai skewness dan kurtosis bagi pengetahuan ASD guru 50
Jadual 10.0	Nilai skewness dan kurtosis bagi sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD 51
Jadual 11.0	Nilai skewness dan kurtosis bagi persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan mendapatkan latihan khas 52
Jadual 12.0	Analisis kolineariti dan multikolineariti bagi hubungan di antara pengetahuan ASD, sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD dan persepsi guru terhadap minat serta keberkesanan mendapatkan latihan khas 54

Jadual 13.0	Hasil keputusan ujian-t sampel bebas pada perbezaan pengetahuan ASD guru berdasarkan pengalaman	57
Jadual 14.0	Hasil keputusan ujian regresi mudah di antara pengaruh pengetahuan ASD guru kepada sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD	58
Jadual 15.0	Hasil keputusan ujian regresi mudah di antara pengaruh sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah pada kanak-kanak ASD kepada persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan mendapatkan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD	60
Jadual 16.0	Hasil keputusan ujian regresi mudah di antara pengaruh pengetahuan ASD guru kepada persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD	62
Jadual 17.0	Hasil keputusan ujian mediator pada sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD sebagai mediator dalam hubungan di antara pengetahuan ASD guru dan persepsi guru terhadap minat serta keberkesanan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD	64

## SENARAI RAJAH

		<b>Halaman</b>
Rajah 1.0	Model <i>Knowledge-Attitude-Practice</i> (KAP)	15
Rajah 2.0	Kerangka model kajian	25
Rajah 3.0	Analisis regresi tanpa mediator	61
Rajah 4.0	Analisis regresi dengan mediator	63



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI GRAF

		<b>Halaman</b>
Graf 1.0	Taburan plot Q-Q pada pengetahuan ASD guru	50
Graf 2.0	Taburan plot Q-Q pada sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD	51
Graf 3.0	Taburan plot Q-Q pada persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan mendapatkan latihan khas	52



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




## SENARAI SINGKATAN / SIMBOL

ASD	-	Autism Spectrum Disorder
ADDM	-	Autism and Developmental Disabilities Monitoring Network
CDC	-	Centers for Disease Control and Prevention
NASOM	-	The National Autism Society of Malaysia
KAP	-	Knowledge-Attitude-Practice
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPNS	-	Jabatan Pelajaran Negeri Sabah
SPSS	-	Statistical Package for Social Sciences
VIF	-	Variance Inflation Factor
dll.	-	Dan Lain-lain
N	-	Bilangan Responden
%	-	Peratus
X	-	Pembolehubah Bebas
Y	-	Pembolehubah Terikat
M	-	Mediator
>	-	Lebih Besar Daripada
<	-	Lebih Kecil Daripada
(a)	-	Jalur a (pengaruh X ke M dalam analisis regresi dengan mediator)
(b)	-	Jalur b (pengaruh M ke Y dalam analisis regresi dengan mediator)
(c)	-	Jalur c (pengaruh X ke Y dalam analisis regresi tanpa mediator)
(c')	-	Jalur c' (pengaruh X ke Y dalam analisis regresi dengan mediator)

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>Halaman</b>
Lampiran A : Artikel	102
Lampiran B : Soal Selidik	104
Lampiran C : Surat Kebenaran	110
Lampiran D : Rajah Taburan	114
Lampiran E : Output	138



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENGENALAN KAJIAN

### 1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan pengenalan secara menyeluruh terhadap kajian yang bertajuk, "Hubungan Pengetahuan dan Persepsi Guru terhadap *Autism Spectrum Disorder* (ASD) dalam kalangan Kanak-Kanak : Sikap sebagai Mediator". Secara ringkasnya, bab ini terbahagi kepada beberapa bahagian subtopik seperti latar belakang kajian, akan menjelaskan semua aspek yang berkenaan dalam kajian ini, pernyataan masalah, yang memainkan peranan dalam menerangkan semua sebab serta masalah yang timbul dalam kajian pada masa kini.

Seterusnya, persoalan kajian, mengetengahkan beberapa isu utama yang ingin diselesaikan dan diikuti dengan tujuan kajian, yang berfungsi untuk menyatakan beberapa perkara yang ingin dicapai bagi menjawab persoalan kajian yang telah dipamerkan dalam kajian ini. Sehubungan itu, bab ini juga turut menyatakan kesignifikan kajian, di mana ia akan menjelaskan kepentingan kajian yang ingin dikaji, dan akhir sekali adalah rumusan bab.

### 1.2 Latar Belakang Kajian

Autism Spectrum Disorder (ASD) adalah sejenis gangguan perkembangan neuro yang memberi kesukaran dalam tingkah laku, interaksi sosial dan komunikasi seseorang individu ASD. Sehubungan itu, individu ASD juga cenderung untuk mempunyai corak tingkah laku yang terhad dan berulang-ulang (American Psychiatric Association, 2018). Simptom-simptom ASD kini dapat dikesan dan didiagnosis pada seawal umur 2 tahun dalam kalangan kanak-kanak. ASD juga dikenali sebagai gangguan perkembangan sepanjang hayat (Astro Awani, 2018).

Pada masa kini, ASD telah menjadi salah satu isu utama dan sering dijadikan kontroversi disebabkan jumlah kes peningkatan ASD dalam kalangan kanak-kanak yang semakin hari, semakin meningkat mengikut peredaran zaman. Merujuk kepada laporan yang telah dikemaskini pada bulan Mac, 2020 akan jumlah prevalen ASD dalam Jadual 1.0, dari Pusat Pengawalan dan Pencegahan (CDC) serta Rangkaian Autisme dan Pemantauan Perkembangan Kurang Upaya (ADDM) di Amerika Syarikat, menunjukkan terdapat peningkatan yang mendadak dari tahun 2000 sehingga 2016, iaitu dari 1 dalam 150 orang kanak-kanak pada tahun 2000, meningkat kepada 1 dalam 54 orang kanak-kanak pada tahun 2016.

**Jadual 1.0 : Jumlah prevalen *Autism Spectrum Disorder* (ASD)**

<b>Tahun Pengawasan</b>	<b>Tahun Kelahiran</b>	<b>Bilangan Laporan ADDM</b>	<b>Jumlah Prevalen Setiap 1,000 Kanak-Kanak</b>	<b>1 dalam (?) Kanak-Kanak</b>
2000	1992	6	6.7 (4.5 – 9.9)	1 dalam 150
2002	1994	14	6.6 (3.3 – 10.6)	1 dalam 150
2004	1996	8	8.0 (4.6 – 9.8)	1 dalam 125
2006	1998	11	9.0 (4.2 -12.1)	1 dalam 110
2008	2000	14	11.3 (4.8 – 21.2)	1 dalam 88
2010	2002	11	14.7 (5.7 – 21.9)	1 dalam 68
2012	2004	11	14.5 (8.2 – 24.6)	1 dalam 68
2014	2006	11	16.8 (13.1 – 29.3)	1 dalam 59
2016	2008	11	18.5 (18.0 – 19.1)	1 dalam 54

Sumber : Laporan CDC dan ADDM yang telah dikemaskini pada Mac, 2020.

Laporan statistik berdasarkan dalam laporan kajian teknikal berkenaan dengan ASD di Malaysia pada tahun 2015, yang mana ia dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah sebanyak 1 dalam 625 orang kanak-kanak. *The National Autism Society of Malaysia* (NASOM) pula menganggarkan bahawa akan terdapat 9,000 orang kanak-kanak cenderung untuk mengalami masalah ASD di Malaysia. Justeru menurut pada kedua-dua laporan tersebut, dijangkakan jumlah ASD akan semakin meningkat lagi pada masa kini disebabkan isu peningkatan yang mendadak pada catatan jumlah prevalen ASD di Amerika Syarikat (Toran, Westover, Sazlina, Suziyani dan Mohd. Hanafi, 2016).

Selain daripada itu, kajian-kajian penyelidikan tempatan berkenaan dengan ASD juga sangat terhad pada kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2015) dan keadaan ini secara tidak langsung memberi kesukaran kepada beberapa pihak berkenaan seperti pakar perubatan, jabatan kesihatan awam atau jabatan-jabatan kerajaan yang lain seperti jabatan kebajikan masyarakat untuk melancarkan objektif bagi membantu kanak-kanak ASD dan mendapatkan sokongan serta persediaan perkhidmatan khas untuk kanak-kanak ASD dan khidmat nasihat, maklumat penting berkenaan ASD kepada ibu bapa kanak-kanak ASD tersebut.

Berdasarkan dalam laporan-laporan statistik yang dinyatakan dari Kementerian Kesihatan Malaysia, NASOM, CDC dan ADDM, ASD boleh dikatakan sebagai isu yang semakin membimbangkan memandangkan jumlah peningkatan kanak-kanak yang mengalami masalah ASD yang semakin meningkat. Justeru, kepentingan guru, tidak kira guru dari pendidikan awam atau pendidikan khas perlu mengambil berat akan kepentingan ini. Sebagai contoh, memahami dan mempunyai pengetahuan asas ASD pada aspek penjagaan, pengurusan dan pendidikan dalam persediaan menghadapi kanak-kanak ASD, tidak kira guru dari kelas pendidikan awam mahupun kelas pendidikan khas (Baglieri dan Shapiro, 2012; Busby, Ingram, Bowron, Jan dan Lyons, 2012).

Kajian akan kepentingan pengetahuan ASD dalam kalangan para guru juga adalah wajib diutamakan kerana kebanyakan pengetahuan ASD guru dari pendidikan awam adalah terhad, di mana keadaan ini mempengaruhi sikap guru yang kurang berkeyakinan terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah terhadap kanak-kanak ASD. Sehubungan itu, persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD juga mendapat respon yang rendah apabila diminta untuk mengendalikan kanak-kanak ASD (Segall dan Campbell, 2012).

Maka dengan itu, kepentingan semua guru untuk mendapatkan kursus pengetahuan ASD secara menyeluruh di sepanjang program atau mendapatkan kursus sijil pengurusan yang dijalankan pada masa kini, serta pengalaman asas dalam bidang pendidikan khas dalam kalangan guru, terutamanya guru dari pendidikan awam adalah sangat penting, agar dapat memudahkan kanak-kanak ASD atau kanak-kanak istimewa tersebut mendapat peluang dalam memperkembangkan mental mereka. Sehubungan itu, dengan wujudnya penerapan tersebut ia secara tidak langsung dapat membantu kanak-kanak ASD ini dalam meningkatkan serba sedikit pada kemahiran komunikasi sosial mereka (Helps, Newsom-Davis dan Callias, 1999 dalam Vincent, 2019). Hal ini penting kerana, kanak-kanak ASD dikatakan berpotensi meningkatkan kekurangan mereka ke arah yang lebih positif seperti dalam tingkah laku, pengurusan sendiri dan lain-lain sekiranya mereka berpeluang mendapatkan rawatan serta pembelajaran khas dengan lebih awal (Ullah, Aqdas, Khan, Nabi dan Aziz, 2015).

Justeru, pengkaji berpendapat bahawa sekiranya guru-guru di seluruh Malaysia berpeluang mendapatkan lebih banyak sumber pengetahuan ASD dengan lebih baik, maka sudah tentu akan terdapat perubahan yang lagi positif pada sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah kepada kanak-kanak ASD dan berkemungkinan juga, persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan latihan kerjasama dengan kanak-kanak ASD akan lebih meningkat di dalam kelas.

Bukan itu sahaja, kualiti kerja guru atau sokongan khas seperti didikan yang betul atau latihan yang diberi kepada kanak-kanak ASD juga akan terjamin. Maka dengan itu, keadaan ini bukan sahaja dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh kanak-kanak ASD, ibu bapa mereka juga dapat bersama-sama menimba ilmu berkenaan dengan ASD dan seterusnya kerjasama di antara guru atau pihak sekolah serta ibu bapa juga dapat dipertingkatkan demi kebaikan anak-anak mereka sendiri.

### **1.3 Penyataan Masalah**

#### **1.3.1 Isu kekurangan pengetahuan, sikap dan persepsi guru**

Berdasarkan pembacaan, antara permasalahan kajian yang pengkaji dapati adalah disebabkan isu kekurangan pengetahuan ASD dalam kalangan guru-guru di Malaysia. Sebagai contoh dalam satu kajian di Malaysia, yang mempunyai laporan berkenaan dengan pengetahuan ASD guru iaitu, "*towards holistic inclusion in Malaysia : knowledge of special educational needs among in-service distant learning students*" oleh Saad, Ibrahim dan Nayan (2013), di mana laporan tersebut menyatakan bahawa hanya 6 peratus orang guru yang berpengetahuan serta faham akan konsep ASD dan selebihnya iaitu 94 peratus adalah kurang faham.

Maka dengan itu, ia secara tidak langsung memberi pengaruh pada sikap guru terhadap penjagaan serta keberkesanan pendidikan dalam sekolah pada kanak-kanak ASD dan persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan latihan kerjasama dalam mengendalikan kanak-kanak ASD (Normadia *dll.*, 2013). Contoh, seperti sikap guru yang tidak berkeyakinan serta memberi respon atau sokongan pendidikan yang terhad untuk membantu kanak-kanak ASD, atas sebab kekurangan pengetahuan guru berkenaan dengan ASD (Haslinah, 2016).

### **1.3.2 Isu peningkatan jumlah prevalen kanak-kanak ASD**

Seterusnya, isu berkenaan dengan jumlah prevalen kanak-kanak ASD di Malaysia. Jika dilihat semula dalam laporan-laporan statistik yang dinyatakan dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan NASOM, jumlah prevalen pada kanak-kanak ASD yang telah berdaftar adalah tidak tetap. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan pihak kerajaan mengkategorikan masalah ASD dalam ketidakupayaan yang lain, contoh seperti ketidakupayaan pada perkembangan kognitif dan lain-lain. Walau bagaimanapun, rujukan masih dapat dilihat dari laporan kajian lepas seperti sebanyak 1 dalam 625 orang kanak-kanak berpotensi mengalami masalah ASD pada setiap tahun (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015) dan anggaran NASOM yang menyatakan bahawa terdapat 9,000 orang kanak-kanak cenderung untuk mengalami masalah ASD di Malaysia dan ini sememangnya menunjukkan betapa seriusnya kes peningkatan ASD ini.

Maka dengan itu, dapat dilihat bahawa jumlah prevalen ASD semakin hari semakin meningkat, sepertimana bukti yang telah dinyatakan dalam Jadual 1.0, dan keadaan ini secara tidak langsung mencetuskan kebimbangan kepada ramai pihak berkenaan seperti para pengkaji, pakar perubatan, jabatan kesihatan awam, jabatan pendidikan dan kerja sosial (Tina, Lay, Hui, Noel dan Arnold, 2014).

### **1.3.3 Isu bagaimana kewujudan ASD**

Seterusnya, persoalan berkenaan dengan bagaimana wujudnya ASD juga merupakan salah satu tanda tanya yang sering menjadi isu utama pada masa kini. Hal ini kerana, berdasarkan pembacaan, ASD bukan merupakan satu gangguan yang normal kerana ia boleh berlaku kepada semua individu, tidak kira pada kaum, status sosial mahupun agama (Lindsay, Proulx, Scott dan Thomson, 2014; My Metro, 18 April 2019).